

MALTOFER® FOL CHEWABLE TABLET

Iron/Folic Acid (100mg/0.35mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Maltofer® Fol
2. Bagaimana Maltofer® Fol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Maltofer® Fol
4. Cara menggunakan Maltofer® Fol
5. Semasa menggunakan Maltofer® Fol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Maltofer® Fol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini

Apakah kegunaan Maltofer® Fol

Maltofer® Fol mengandungi zat besi dan asid folik. Ini digunakan untuk rawatan dan pencegahan kekurangan zat besi semasa mengandung dan penyusuan.

Bagaimana Maltofer® Fol berfungsi

Besi adalah komponen penting dalam sel darah merah dan sel otot dan enzim yang mengandungi besi. Asid folik adalah vitamin penting untuk perkembangan bayi yang belum lahir.

Sebelum menggunakan Maltofer® Fol

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Maltofer Fol jika anda mempunyai:

- Hipersensitif kepada bahan aktif *iron(III) hydroxide polymaltose complex* dan asid folik bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut produk).
- *Iron overload* (sejenis penyakit jarang yang boleh membawa kepada pengumpulan besi dalam tisu)
- *Iron utilisation disorder* (anemia disebabkan oleh penggunaan zat besi yang tidak mencukupi)

- Anemia yang tidak disebabkan oleh kekurangan zat besi.

- Sebelum mula menggunakan Maltofer® Fol

- Doktor harus mengesahkan tahap zat besi dan hemoglobin darah menggunakan ujian yang sesuai.
- Jika gejala tidak disebabkan oleh kekurangan zat besi, Maltofer® Fol tidak akan berkesan.
- Doktor anda akan memantau keberkesanan rawatan anda dengan pemeriksaan susulan
- Sila berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda hamil, merancang kehamilan atau menyusui sebelum menggunakan ubat.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Maltofer® Fol sekiranya anda ada:
 - Infeksi atau tumor
 - Kekurangan vitamin B12.Folic acid dalam Maltofer® Fol boleh menghilangkan simptom kekurangan vitamin B12.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika:

- Persediaan zat besi dalam suntikan.
- Ubat untuk rawatan epilepsi, khususnya phenytoin.
- Chloramphenicol, ubat untuk rawatan jangkitan bakteria. Doktor anda akan memantau anda dengan teliti jika anda mengambil kedua-dua ubat.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa resep dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan

Cara menggunakan Maltofer® Fol

- Berapa banyak harus digunakan

- Rawatan anemia kekurangan zat besi masa kehamilan: Ambil 1 biji

2-3 kali setiap hari. Apabila hemoglobin kembali normal, rawatan dengan 1 biji setiap hari akan diteruskan sehingga akhir kehamilan.

- Rawatan kekurangan zat besi tanpa anemia dan pencegahan kekurangan zat besi dan asid folik: 1 biji sekali sehari.

- Bila perlu digunakan

Dos harian boleh dibahagikan kepada dos berasingan atau boleh diambil sekaligus. Maltofer® Fol perlu diambil semasa atau selepas makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Terus menggunakan Maltofer® Fol selama yang disyorkan oleh doktor..

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan perubahan dalam keadaan mental, perubahan corak tidur, ketidakselesaian dan hiperaktif, mual, perut tidak selesa dan berketut.

Semasa menggunakan Maltofer® Fol

- Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan ubat anda dengan tepat seperti yang diberitahu oleh doktor anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda menggunakan Maltofer® Fol.

Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

Sekiranya gejala anda tidak membaik dalam masa tiga minggu, berjumpa doktor

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Maltofer® Fol tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi. Maltofer® Fol tidak sesuai untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

Jangan berhenti menggunakan ubat melainkan jika disarankan oleh doktor anda

Jangan gunakan ubat baru tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Maltofer® Fol kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini boleh mempengaruhi kemampuan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Sekiranya tablet membuat anda berasa sakit, pening atau letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau menggunakan mesin dan segera hubungi doktor anda.

Produk ubat ini mengandungi 10 mg natrium (komponen utama garam) dalam setiap tablet. Ini bersamaan dengan 0.5% daripada diet harian

maksimum yang disyorkan untuk natrium

Kesan-kesan sampingan

- Kesan sampingan yang kerap adalah perubahan warna najis yang disebabkan oleh perkumuhan zat besi, tetapi ini tidak berbahaya.
- Kesan sampingan lain yang kerap adalah loya, sembelit, cirit-birit dan sakit perut.
- Kesan sampingan yang tidak biasa adalah muntah, penukaran warna gigi, keradangan perut, gatal-gatal, ruam, kemerahan kulit dan sakit kepala mungkin berlaku.
- Kesan sampingan yang jarang berlaku adalah kekejangan otot dan sakit otot (myalgia).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Maltofer® Fol

- Penyimpanan

Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak. Ubat tidak boleh digunakan melebihi tarikh luput yang dinyatakan pada kotak. Sila simpan barang-barang dalam bungkusan asalnya dan lindungi dari cahaya. Simpan di bawah 30 ° C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna coklat dan bertompok putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

zat besi sebagai iron(III)-hydroxide polymaltose complex (IPC), asid folik

- Bahan tidak aktif

microcrystalline cellulose, cocoa, sodium cyclamate, polyethylene glycol 6000, talc, vanillin, dextrates, chocolate essence.

- Nombor MAL:

MAL19911914X

Pengilang

Corden Pharma Friburg SA,
Route de Moncor 10
1752 Villars-sur-Glane
Switzerland.

Pemegang Pendaftaran Produk

Zuellig Pharma Sdn Bhd
No.15 Persiaran Pasak Bumi,
Seksyen U8, Perindustrian Bukit
Jelutong, 40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

31/07/2023

Nombor Siri

NPRA(R4/1)250820/00132